

Jenis Akhbar : Sinar Harian

Tarikh : 15 Mei 2020

Edisi / Muka Surat : Nasional / 22

Tajuk : Bank Rakyat serah zakat perniagaan kepada MAINJ

Bank Rakyat serah zakat perniagaan kepada MAINJ

FOTO: ROYAL PRESS OFFICE (RPO)



Wan Junaidi menyerahkan replika cek zakat perniagaan sebanyak RM1.69 juta kepada Sultan Johor, Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar di Istana Pasir Pelangi, Johor semalam.

JOHOR BAHRU - Bank koperasi Islam terbesar di Malaysia, Bank Rakyat menyerahkan zakat perniagaan sebanyak RM1.69 juta kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) bagi tahun kewangan berakhir 2019.

Zakat perniagaan itu diserahkan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar

kepada Sultan Johor Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar di Istana Pasir Pelangi, Johor semalam.

Wan Junaidi berkata, penyerahan sumbangan zakat itu diharap dapat membantu meringankan beban kewangan penerima dan kerajaan negeri terutamanya semasa penularan wabak koronavirus (Covid-19) dan membantu mereka yang terkesan akibat wabak itu.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA